

**TEKS UCAPAN ALUAN  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP  
MECHANICAL ENGINEERING RESEARCH DAY 2017 (MERD'17)  
30 MAC 2017 (KHAMIS), 12.00 TGHARI  
PERPUSTAKAAN UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim,

**Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Mohamad Razali Muhamad**

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTeM;

**Yang Berbahagia Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd Jailani Bin Mohd Nor**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM;

**Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohd Ridzuan Bin Nordin**

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UTeM;

**Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Noreffendy bin Tamaldin**

Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal merangkap Pengerusi  
MERD 2017

Pegawai-pegawai Kanan Universiti, AJK Pelaksana, Para Peserta MERD17, Hadirin dan Hadirat sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia, Salam 1UTeM

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan kehadiran Allah SWT, di atas rahmat dan nikmat serta izinNya jua kita dapat sama-sama berhimpun di Perpustakaan UTeM pada hari ini sempena program Mechanical Engineering Research Day 2017 (MERD17). Penganjuran MERD pada tahun ini merupakan pengajuran kali keempat semenjak penganjuran kali pertama pada tahun 2011.
2. Saya difahamkan, buat julung kalinya penyertaan MERD pada tahun ini terbuka sehingga ke peringkat nasional, dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari kalangan penyelidik pelbagai bidang dari universiti awam dan swasta di seluruh negara ini.

Pantun wajib negeri Melaka - selamat datang:

Kapal dagang dari seberang,  
Sarat muatan kayu meranti;  
Dari jauh tuan puan datang,  
Kami di UTeM sentiasa menanti.

3. Kita juga harus berbangga dengan penyertaan yang diterima dari penyelidik di luar negara, iaitu satu manuskrip dari Lomonosov Moscow State University dan satu manuskrip dari Tomsk Polytechnic University dari Rusia. Ini menyumbang kepada 49 atau 22% daripada 218 penyertaan yang diterima oleh Sidang Editor MERD17 daripada 350 penyertaan asal yang diterima.

4. Tahniah diucapkan kepada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pusat Kecemerlangan UTeM iaitu Centre for Advanced Research on Energy (CARE) dengan kerjasama Centre of Technopreneurship Developmen (C-TeD) UTeM di atas komitmen dan usaha tinggi bagi merealisasikan penganjuran MERD17 pada kali ini.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

5. Penganjuran MERD 2017 kali ini masih mengekalkan tema umumnya iaitu *Idea.Inspire.Innovate* menerusi lapan (8) trek penyertaan iaitu:-

- Automotive and Aeronautics yang menyumbang sebanyak 25 atau 11.5% penyertaan,
- Computer Modelling and Simulation dengan 17 atau 7.8% penyertaan,

- Design and Optimization, 34 atau 15.6% penyertaan,
- Energy Conversion and Management menerusi 17 atau 7.8% penyertaan,
- Structure and Materials yang mempunyai penyertaan terbanyak iaitu 55 atau 25% penyertaan,
- Thermal and Fluids dengan 11 atau 5% penyertaan,
- Vibration and Control melalui 17 atau 7.8% penyertaan,
- Engineering Management and Education yang menyumbangkan 42 atau 19.3% penyertaan.

6. Dengan lebih daripada 200 penyertaan, MERD17 merupakan platform terbaik yang menghimpunkan para penyelidik sama ada dari kalangan akademik mahupun pelajar yang merentasi fakulti dan disiplin di bawah satu bumbung, bagi mempamerkan hasil penyelidikan serta inovasi masing-masing. Makalah yang berjumlah 218 naskah ini juga akan diterbitkan sebagai prodising persidangan MERD17 di bawah pengindeksan Thomson Reuters yang dahulunya dikenali sebagai ISI Conference Proceedings Citation Index™ daripada Web of Science® Coverage. Usaha ini secara langsung akan meningkatkan kedudukan UTeM di peringkat nasional dan antarabangsa dengan peningkatan pencapaian di dalam penyelidikan melalui aktiviti penerbitan ilmiah seumpama ini.



Hadirin dan Hadirat sekalian,

7. Saya menyeru kepada semua warga universiti untuk turut bersama-sama memperkasakan inovasi dalam melaksanakan tugas, penyelidikan dan pembelajaran ke arah pembentukan cara hidup yang lestari. Saya juga berharap agar para penyelidik UTeM akan terus mempertingkatkan usaha terutamanya di dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C) yang berimpak tinggi bagi memantapkan lagi kecemerlangan UTeM dalam bidang ini di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa sekali gus dapat memahat nama UTeM sebagai universiti teknikal terkemuka di persada dunia.
8. Sebelum saya akhiri ucapan, sekalung tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Pelaksana MERD17 dan semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam

menjayakan penganjuran MERD kali ini. Tanpa komitmen dan semangat kerjasama berpasukan yang jitu sudah tentulah sukar merealisasikan apa yang diharapkan.

Riang bermain si budak nakal,  
Di bawah terik sehingga berbelang,  
MERD memperkasa bidang mekanikal,  
Memangkin penyelidik ke mercu gemilang.

9. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penutup Mechanical Engineering Research Day 2017 (MERD'17)

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum wbkth.